



PERBENDAHARAAN MALAYSIA  
SARAWAK,  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN  
ISKANDAR,

Telefon : 082-421333  
(Pejabat Am)  
Fax : 082-424489

Ruj. Kami: PKP(8.00)96/3-7 Jld.3( 16 )

Tarikh: 13 September 2007

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan Di Sarawak**

Y. Bhg Datuk/Datin/Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN PESANAN KERAJAAN UNTUK TUJUAN PENGINAPAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Perbendaharaan Malaysia Sarawak sering menerima permohonan untuk menggunakan Pesanan Kerajaan daripada Jabatan/ Agensi Persekutuan untuk tujuan penginapan. Berkuatkuasa dari tarikh surat edaran ini, penggunaan pesanan kerajaan bagi tujuan penginapan sahaja adalah **tidak dibenarkan** sama sekali.

3. Bagi penganjuran aktiviti bercorak latihan secara pakej, pihak Y. Bhg Datuk/Datin/Tuan/ Puan adalah dibenarkan untuk mengurus sendiri aktiviti tersebut tanpa terlebih dahulu memohon kelulusan Perbendaharaan tertakluk kepada mematuhi kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002. Bagi penyediaan aktiviti latihan secara pakej termasuk penginapan, ia hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan berkursus pegawai/kakitangan, mempunyai peruntukan yang mencukupi, dianjurkan di tempat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan segala urusan hendaklah mematuhi tatacara kewangan semasa.

4. Pegawai/kakitangan kerajaan adalah dinasihatkan untuk menggunakan kemudahan pendahuluan diri semasa menjalankan tugas rasmi selaras dengan para 7, Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2003. Ketua Jabatan dikehendaki untuk mematuhi kehendak AP100 sepenuhnya untuk menangani bebanan kewangan pegawai/kakitangan.

Sekian, terima kasih.

**"SENTIASA MESRA, TELITI & CEPAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(ABD. WAHID BIN AHMAD)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak